

Bot tunda, nelayan asing ditahan

SABAK BERNAM - Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot tunda kelas B1 yang dilihat dalam keadaan mencurigakan ketika operasi di perairan Bagan Nakhoda Omar kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputy Superintenden Hazri Zakaria berkata, ketika ditahan nelayan di atas bot itu sedang menangkap hasil laut.

“Polis menahan seorang lelaki tempatan berusia 40 tahun disyaki tekong.


“Turut ditahan empat awak-awak warga asing berusia lingkungan 25

hingga 39 tahun terdiri daripada dua warga Myanmar dan dua warga Thailand,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati antara kesalahannya yang dikesan ialah melanggar syarat lesen iaitu menggunakan pekerja asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Negeri, menunda kurang dari lapan batu nautika dari pantai selain gagal mengusahakannya sendiri.

Katanya, turut dirampas kira-kira 800 kilogram ikan pelbagai jenis bernilai RM8,000 dan siasatan dijalankan mengikut Akta Perikanan 1985.

Sinar Harian 11/3/20 m/s 22



Sebuah bot tunda kelas B1 ditahan PPM dalam operasi di perairan Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor kelmarin.